

Glosari Undang-Undang Jenayah Bahada Inggeris-Bahasa Melayu

Penulis Utama:

Goh Sang Seong¹, Harjit Singh Dulip Singh²

E-mel:

gohss@usm.my¹,

Abstrak: Malaysia mengamalkan sistem perundangan Common Law. Oleh hal yang demikian, banyak istilah dalam undang-undang jenayah dipinjam daripada bahasa Inggeris. Rentetannya, istilah-istilah tersebut perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu mengikut prinsip pembentukan istilah.

Glosari Undang-Undang Jenayah ini memuatkan pelbagai istilah yang sering dijumpai dalam teks undang-undang jenayah bersertakan penerangan konsep. Melalui maklumat ini, pembaca dapat mengenal pasti padanan istilah bahasa Inggeris, dan konsep yang ada pada istilah berkenaan. Untuk memudahkan pencarian maklumat yang berkaitan dengan padanan akta, dan nama penuh bagi singkatan yang digunakan dalam teks undang-undang jenayah, buku ini turut melampirkan senarai akta dan singkatan yang lazim ditemui dalam teks undang-undang jenayah.

Buku ini sesuai digunakan sebagai rujukan asas oleh pelajar universiti, penterjemah, pengamal undang-undang, dan sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang undang-undang jenayah sebagai bahan rujukan bagi mendapatkan pengetahuan tentang undang-undang jenayah, dan panduan penterjemahan teks undang-undang jenayah.

Kata Kunci: Common Law, istilah, akta, teks, penterjemahan



GLOSARI UNDANG-UNDANG JENAYAH

Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu

Penyusun:
**GOH SANG SEONG
HARJIT SINGH DALIP SINGH**



**Penerbit
UTHM**

GLOSARI UNDANG-UNDANG JENAYAH

Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu

**Penyusun:
GOH SANG SEONG
HARJIT SINGH DALIP SINGH**



2015

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2015

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan Data Penerbitan

Goh, Sang Seong
GLOSARI UNDANG-UNDANG JENAYAH: Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu/
Penyusun: GOH SANG SEONG, HARJIT SINGH DALIP SINGH
Bibliography: page 139
ISBN 978-967-0764-13-9
1. Criminal law--Terminology. I. Harjit Singh Dalip Singh. II. Judul.
345.0014

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 7051 / 7454 No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my/>

Penerbit UTHM adalah anggota:
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
AWIJAYA ENTERPRISE
No. 15, Jalan Budi Utara
Taman Wawasan Perindustrian
83000 Batu Pahat, Johor

Penyusun bersama

Aimi Aizat Azmi

Azrene Jasmine Mohamed Omar Khan

Liew Wai Leong

Moo Qi Xin

Nurliyana Amirah Hazuli

Siti Nabilah Mohd Salleh

KANDUNGAN

Prakata	ix
Istilah A-Y	1
Lampiran I Senarai Akta	125
Lampiran II Singkatan	130
Bibliografi	139

PRAKATA

Sesuatu kata itu diangkat sebagai istilah undang-undang apabila kata tersebut mendukung konsep khusus dalam ilmu bidang undang-undang. Istilah boleh terdiri daripada kata umum yang biasa dijumpai dalam penggunaan bahasa seharian, atau kata khusus yang hanya digunakan dalam teks undang-undang. Sehubungan dengan itu, makna sesuatu istilah perlu dirujuk daripada sumber yang membincangkan ilmu bidang berkenaan secara khusus.

Malaysia mengamalkan sistem perundangan *Common Law*. Oleh hal yang demikian, banyak istilah dalam undang-undang jenayah dipinjam daripada bahasa Inggeris. Rentetannya, istilah-istilah tersebut perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu mengikut prinsip penterjemahan dan pembentukan istilah yang ditetapkan oleh MABBIM. Untuk pepadanan istilah dalam Glosari ini, *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* (1992) dirujuk.

Sejajar dengan itu, *Glosari Undang-Undang Jenayah* ini memuatkan pelbagai istilah yang sering dijumpai dalam teks undang-undang jenayah bersertakan penerangan konsep secara ringkas. Melalui maklumat ini, pembaca dapat mengenal pasti padanan istilah bahasa

Inggeris, dan konsep asas secara ringkas yang ada pada istilah berkenaan. Bagi pembaca yang berminat untuk mengetahui konsep sesuatu istilah dengan lebih lanjut dan mendalam, maklumat tentang rujukan Akta ada disertakan. Bagi memudahkan pencarian maklumat yang berkaitan dengan padanan Akta, dan rujukan penuh bagi singkatan yang digunakan dalam teks undang-undang jenayah, Glosari ini turut melampirkan senarai Akta dan singkatan yang lazim ditemui dalam teks undang-undang jenayah. Kedua-dua lampiran ini memudahkan pembaca untuk mengenal pasti terjemahan Akta dan maksud singkatan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu.

Glosari ini sesuai digunakan sebagai rujukan asas oleh penterjemah teks undang-undang jenayah dan pelajar universiti dalam bidang pengajian penterjemahan dan undang-undang bagi mendapatkan pengetahuan asas tentang istilah serta padanan istilah undang-undang jenayah.

Goh Sang Seong
Harjit Singh Dalip Singh
Penyusun
Kampus Sejahtera
Pulau Mutiara
2015

GLOSARI UNDANG-UNDANG JENAYAH

Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu

A

Abandonment - **Peninggalan**

Pelepasan sesuatu hak, kepentingan atau harta benda dengan tiada niat untuk tuntutan selanjutnya.

Abduction - **Pemelarian; penculikan**

Perbuatan menggunakan cara paksaan ataupun dengan menipu sehingga mempengaruhi seseorang untuk ke mana-mana tempat tanpa kerelaan mangsa.

Abetment - **Persubahatan**

Perbuatan yang mendorong dan membantu sesuatu perbuatan jenayah, atau bekerjasama dalam perlakuan jenayah.

B

Bad character - Watak jahat

Kecenderungan seseorang ke arah kelakuan tidak bermoral atau salah laku. Watak jahat boleh dijadikan bukti dalam sesuatu keterangan bagi meragui kenyataan seseorang saksi. (Rujuk s.54, Akta Keterangan 1950)

Bail - Jaminan

Wang atau bon yang dicadangkan bagi membebaskan orang yang dituduh melakukan jenayah sementara menunggu perbicaraan bermula. (Rujuk s.387, Kanun Acara Jenayah)

Bailable offence - Kesalahan boleh jamin

Tertuduh yang melakukan kesalahan jenayah boleh dilepaskan daripada tahanan dengan jaminan yang boleh diberikan.

Bailable warrant - Waran boleh jamin

Apabila seseorang ditangkap, orang tersebut mempunyai hak sedia ada untuk dibebaskan dengan bon yang sesuai.

C

Cancellation - **Pembatalan**

Arahan mahkamah untuk membatalkan sesuatu permintaan atau perintah.

Capital Offence - **Kesalahan jenayah berat**

Hukuman mati yang dikenakan sebagai hukuman kesalahan jenayah yang dilakukan.

Censure - **Celaan**

Teguran awam yang rasmi bagi pelanggaran atau pencabulan piawai tingkah laku individu yang boleh diterima.

Ceremonies - **Upacara**

Perbuatan formal atau set perbuatan formal yang dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam ritual, adat atau yang diwartakan.

Certified copies - **Salinan diperakui; salinan disahkan**

Salinan dokumen yang ditandatangani dan diperakui sebagai salinan asal oleh pegawai yang diberi kuasa seperti pegawai kerajaan atau peguam.

D

Damage - **Kerosakan**

Kemudaratan yang dilakukan pada benda atau orang, atau pun kecederaan fizikal yang merosakkan nilai atau kegunaan sesuatu benda atau orang.

Danger - **Bahaya**

Liabiliti atau pendedahan pada bahaya, kecederaan atau risiko yang mengancam keselamatan diri, harta, nyawa dan sebagainya.

Dead body - **Mayat**

Tubuh manusia tanpa nyawa atau roh.

Dead or alive - **Sama ada hidup atau mati**

Istilah “di luar hukum” ialah prosedur rasmi yang mengisytiharkan seseorang sebagai penjahat, dan meletakkan orang tersebut di luar bidang perlindungan undang-undang. Pada hakikatnya, penjenayah merupakan orang yang telah melakukan kesalahan dan melarikan diri serta dikehendaki “sama ada hidup atau mati” dengan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah.

E

Effect - Natijah; kesan

Sesuatu yang terjadi akibat dorongan sebab atau ejen; hasil bagi sesuatu. (Rujuk s.7, Akta Keterangan 1950)

Enactment – Enakmen

Undang-undang yang digubal oleh kerajaan negeri atau Dewan Undangan Negeri.

Enticing - Memujuk-lari

Memujuk, memancing dan mendapatkan perhatian atau menggoda seseorang dengan niat yang salah untuk melakukan sesuatu. Mengumpan kanak-kanak ialah perbuatan seperti menjemput, memujuk, atau cuba untuk memujuk kanak-kanak tersebut untuk memasuki mana-mana kenderaan, bangunan, bilik, atau tempat yang terpencil. Memujuk-lari dilengkapkan dengan niat untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang seksual terhadap kanak-kanak tersebut.

Error or omission - Kesilapan atau peninggalan

Kesilapan atau peninggalan yang berlaku dalam sesuatu tindakan akibat kecuaiian dan/atau dibuat secara sengaja.

F

Fact - Fakta

Sesuatu yang telah dilakukan atau tindakan dalam proses; kebenaran yang bertentangan dengan fiksyen atau kesilapan. (Rujuk s.3, Akta Keterangan 1950)

Fact in issue - Fakta persoalan

Fakta yang dibangkitkan oleh sesuatu pihak berkenaan kes dalam prosiding; fakta tersebut akan dipersoalkan oleh pihak yang lain. (Rujuk s.3, Akta Keterangan 1950)

Facts supporting or rebutting inference - Fakta yang menyokong atau mematahkan andaian

Fakta yang perlu untuk mematahkan andaian yang dicadangkan oleh sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan.

False - Palsu, tidak benar

Sesuatu kenyataan (termasuk kenyataan lisan atau dokumen) adalah palsu jika orang yang melakukan atau orang yang menyebabkan kenyataan tersebut melakukannya secara tidak jujur dan berniat tidak suci hati.

G

Gain - **Perolehan**

Perolehan salah ialah keuntungan yang menyalahi undang-undang harta. Individu yang memperoleh harta tersebut tidak sah dari segi undang-undang.

Gender - **Jantina**

Manusia dibahagikan kepada dua jenis jantina, iaitu lelaki dan perempuan. (Rujuk s.8, Kanun Keseksaan)

General Exception - **Kecualian am**

Bab IV Kanun Keseksaan memperuntukkan had atau pembelaan terhadap kesalahan jenayah. Had atau pembelaan ini dikenali sebagai 'kecualian am' dalam Kanun Keseksaan.

Gesture - **Gerak isyarat**

Pergerakan anggota badan dalam proses komunikasi yang digunakan sebagai lambang untuk menunjukkan makna tertentu.

H

Habeas Corpus - **Habeas Corpus**

Berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud 'anda boleh mendapatkan tubuh badannya'. Perintah mahkamah yang mengarahkan supaya seseorang dibawa ke hadapan hakim di dalam mahkamah. (Rujuk s.365, Kanun Acara Jenayah)

Habitual offender – **Penjenayah habitual**

Seseorang yang melakukan jenayah yang sama atau seakan-akan sama berulang kali dalam lingkungan masa yang singkat.

Harbouring – **Melindungi**

Tindakan membekalkan tempat berlindung, makanan, minuman, wang atau pakaian kepada seseorang.

Harm - **Kecederaan; mudarat**

Kecederaan, kehilangan, kerosakan sama ada pada harta benda atau diri seseorang.

Hearing of Appeal - **Perbicaraan rayuan**

Proses pendengaran rayuan yang bergantung pada jenis rayuan yang dibuat oleh pihak yang

I

Identification - Pengenalpastian; pengenalan

Tindakan untuk mengenal pasti dokumen, barangan ataupun identiti seseorang berkenaan dengan perbicaraan atau prosiding jenayah. (Rujuk s.9, Akta Keterangan 1950)

Identification by photographs - Pengenalpastian menerusi gambar

Memerlukan kepastian bagi menjelaskan individu dalam gambar, masa dan tempat gambar diambil, serta perkara yang digambarkan.

Identification parade - Perbarisan pengecaman

Satu barisan orang yang diaturkan oleh pihak polis untuk mengenal pasti penjenayah yang disyaki oleh mangsa atau saksi.

Identity - Identiti; pengenalan

Ciri-ciri tersendiri yang dimiliki oleh seseorang individu atau dikongsi oleh semua ahli kategori sosial tertentu atau kumpulan. (Rujuk s.9, Akta Keterangan 1950)

Illegal - Menyalahi undang-undang; haram; tidak sah di sisi undang-undang

Perbuatan atau kelakuan yang tidak mengikut peraturan atau yang melanggar undang-undang negara. (Rujuk s.43, Kanun Keseksaan)

J

Judgment - **Penghakiman**

Keputusan oleh mahkamah dalam tuntutan mahkamah, pendakwaan jenayah, atau rayuan daripada penghakiman mahkamah yang lebih rendah.

Judicial act - **Tindakan kehakiman**

Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah mahkamah.

Judicial admission - **Pengakuan kehakiman**

Pengakuan yang dibuat oleh suatu pihak dalam prosiding kehakiman yang berkaitan dengan dakwaan pihak lawan, atau kegagalan untuk membantah secara rasmi.

Judicial notice - **Pengiktirafan kehakiman**

Keterangan doktrin yang digunakan oleh mahkamah untuk mengiktiraf dan menerima kewujudan fakta tertentu yang dikenali oleh orang awam tanpa perlu membuktikan kewujudannya dengan mengakui keterangan dalam tindakan sivil atau jenayah. (Rujuk s.57, Akta Keterangan 1950)

K

Kidnapping - **Penculikan**

Melarikan seseorang tanpa kerelaannya (atau daripada kawalan ibu bapa serta penjaga) dari satu tempat ke tempat lain. Orang yang diculik tidak mempunyai kebebasan untuk bergerak, membuat pilihan, atau membuat keputusan. (Rujuk s.359, Kanun Keseksaan)

L

Labour - **Pekerja**

Kelas sosial yang terdiri daripada orang yang melakukan kerja buruh kasar atau bekerja untuk upah.

Landowner - **Tuan tanah; pemilik tanah**

Orang yang memiliki (tuan punya) tanah.

Law - **Undang-undang**

Sistem peraturan yang dikeluarkan oleh kuasa yang berdaulat untuk mengawal tingkah laku individu, pertubuhan masyarakat atau negara.

Leading questions - **Soalan memimpin**

Soalan yang ditanyakan kepada saksi oleh peguam semasa perbicaraan atau deposisi (soal siasat secara bersumpah di luar mahkamah) dengan mencadangkan jawapan kepada saksi. Oleh itu, peguam dapat membantu saksi untuk memberitahu cerita yang sedia dirancang. (Rujuk s.141, Akta Keterangan 1950)

M

Machinery - **Mesin; jentera**

Alat mekanikal atau elektrik yang memindahkan atau mengubah tenaga untuk membantu melaksanakan tugas manusia.

Magistrate - **Majistret**

Individu yang mempunyai kuasa sebagai penjawat awam atau pegawai kehakiman bawahan.

Magistrates' courts - **Mahkamah Majistret**

Mahkamah Majistret mempunyai bidang kuasa yang terhad untuk membicarakan kes jenayah dan kes sivil.

Malay States - **Negeri-negeri Melayu**

Bekas negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka yang kemudiannya membentuk Malayan Union (1946) dan Persekutuan Tanah Melayu (1948)

Marginal notes - **Nota birai**

Abstrak laporan sesuatu kes, ringkasan fakta atau prinsip kenyataan ringkas yang diputuskan dalam laporan awal kes.

N

Negligence - **Kecuaian**

Kegagalan seseorang untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai manusia berfikiran normal yang dapat menyebabkan kecederaan atau kerugian kepada orang lain.

Nolle prosequi - ***Nolle prosequi***

Berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud 'tidak rela untuk meneruskan'. Perisytiharan untuk tidak meneruskan pendakwaan yang dibuat kepada hakim oleh pendakwa dalam kes jenayah (atau dengan plaintif dalam tuntutan mahkamah sivil) sama ada sebelum atau semasa perbicaraan.

Non-attendance - **Ketidakhadiran**

Seseorang yang sengaja tidak hadir di sesuatu tempat atau pada sesuatu masa dan beredar dari tempat yang dia terikat untuk hadir sebelum masa dia terikat untuk beredar.

Non-bailable - **Tidak boleh jamin**

Kesalahan yang tidak membenarkan tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin. (Rujuk s.2, Kanun Acara Jenayah)

O

Oath - Sumpah

Ikrar oleh seseorang individu menandakan bahawa dia mengaku telah melakukan perbuatan tertentu dengan benar dan jujur. Pengakuan ini merangkumi satu kebenaran atau kewajipan. (Rujuk s.51, Kanun Keseksaan)

Obscene - Lucah

Bahan atau perbuatan yang memaparkan atau menggambarkan aktiviti seksual dengan cara yang lucah atau tidak bermoral.

Obstructing - Menghalang

Tindakan satu atau lebih pihak mengelakkan, menghalang atau mencegah pelaksanaan proses yang sah dari segi undang-undang.

Offence - Kesalahan

Kelakuan yang dilarang oleh undang-undang bertulis atau tidak melakukan perkara yang diarahkan. Istilah ini hampir sinonim dengan jenayah.

P

Penal Code – **Kanun Keseksaan**

Kanun Keseksaan (Akta 574) memperuntukkan hukuman bagi kesalahan jenayah yang dilakukan di Malaysia dan juga bagi kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia.

Penghulu's court – **Mahkamah Penghulu**

Mahkamah penghulu atau ketua kampung mempunyai bidang kuasa terhadap yang melibatkan orang dari ras Asia yang dituduh atas kesalahan-kesalahan kecil. Kesalahan-kesalahan kecil dalam bidang kuasa mahkamah penghulu disenaraikan dalam surat kuasa penghulu. Kesalahan-kesalahan ini boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi RM25.00. Tertuduh juga boleh memilih untuk dibicarakan di Mahkamah Majistret.

Person – **Seseorang; orang**

Mana-mana syarikat, persatuan atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak. (Rujuk s.11, Kanun Keseksaan)

Person in authority – **Orang yang berkuasa**

Seseorang yang mempunyai kuasa untuk bertindak dalam kawalan undang-undang; berupaya mengarahkan hukuman jika pesalah mengaku bersalah.

Q

Quarantine - **Kuarantin**

Seseorang atau sesuatu barang yang dihalang masuk ke sesebuah negara untuk suatu tempoh statutori sehingga pemeriksaan lanjutan dijalankan.

Questions lawful in cross-examination – **Soalan sah dalam pemeriksaan balas**

Hanya soalan-soalan yang sah dan relevan boleh dikemukakan kepada saksi.

R

Railway – **Landasan kabel**

Jalan yang diperbuat daripada landasan besi atau bahan lain yang sesuai, dan akan dibina dan digunakan seperti yang diarahkan melalui tindakan perundangan yang menubuhkannya.

Rape – **Rogol**

Kesalahan jenayah yang ditakrifkan di kebanyakan negara sebagai hubungan seksual secara paksa oleh lelaki terhadap perempuan dan bertentangan dengan kerelaan mangsa. (Rujuk s.375, Kanun Keseksaan)

Real evidence – **Keterangan sebenar; keterangan fizikal**

Pengesahan melalui objek boleh nampak dan bukannya keterangan lisan oleh saksi. Contohnya, senjata yang digunakan dalam penjenayahan dianggap sebagai keterangan benar.

Reason to believe – **Alasan untuk percaya**

Seseorang dikatakan mempunyai alasan untuk percaya pada sesuatu perkara jika dia mempunyai sebab yang mencukupi untuk mempercayai perkara itu.

S

Sale – Jualan

Pemindahan sesuatu objek atau hak milik sesuatu objek sebagai balasan terhadap wang atau benda lain yang bernilai atas terma yang dipersetujui antara pembeli dengan penjual.

Search and seizure – Pengeledahan dan perampasan

Penggeladahan oleh pegawai penguat kuasa undang-undang terhadap harta atau komunikasi yang dipercayai sebagai bahan bukti jenayah, dan tindakan mengambil alih pemilikan harta itu untuk tujuan penyiasatan.

Search by police officer – Penyiasatan (atau pengeledahan) oleh pegawai polis

Semua penahanan dan penyiasatan mesti dilakukan dengan sopan, pertimbangan dan hormat terhadap orang berkenaan dan mengikut peraturan penyiasatan.

Search without warrant – Pengeledahan tanpa waran

Undang-undang telah menentukan beberapa situasi yang tidak memerlukan waran geledah kerana pengeledahan itu sendiri munasabah dalam keadaan tertentu atau kekurangan jangkaan privasi yang munasabah.

T

***Tender age* – Usia mentah**

Usia seseorang yang masih belum mencapai pemahaman yang cukup matang untuk menilai sifat dan akibat sesuatu kelakuan; tidak layak menjadi saksi di mahkamah. (Rujuk s.118, Akta Keterangan 1950)

***Testamentary document* – Dokumen perwasiat**

Wasiat atau dokumen lain yang mencipta, menghapuskan, atau memindahkan kepentingan atau hak aset.

***Theft* – Kecurian**

Perbuatan mengambil harta benda milikan orang lain tanpa kebenarannya, dan menggerakkan harta itu dengan niat tidak suci hati.

***Thief* – Pencuri**

Orang yang mengambil barangan kepunyaan orang lain tanpa izin pemilik dengan niat tidak suci hati.

U

Unattested document – **Dokumen tanpa perakuan**

Dokumen tanpa pengesahan yang sah.

Uncautioned statement – **Kenyataan tanpa amaran**

Pernyataan yang tidak perlu diberikan kepada tertuduh yang didakwa atas kesalahan. Tertuduh tidak diberi nasihat atau amaran sebelum kenyataannya diambil oleh pegawai penyiasat, dan kenyataan tersebut boleh membabitkannya dengan jenayah yang disiasat.

Unequivocal – **Jelas; tidak bercanggah**

Pengakuan yang tidak mempunyai keraguan atau salah faham; hanya mempunyai satu makna atau tafsiran dan menghasilkan satu kesimpulan.

Unlawful assemblies – **Perhimpunan haram**

Perjumpaan tiga atau lebih individu untuk melakukan jenayah atau sesuatu dengan tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang dengan cara yang mungkin membahayakan keamanan dan ketenangan sekeliling. (Rujuk s.141, Kanun Keseksaan)

V

Vehicle – **Kenderaan**

Pengangkutan yang digunakan untuk membawa penumpang atau barangan melalui darat, air atau udara.

Veracity – **Kebenaran; kesahihan**

Kebenaran atau kejujuran; ketepatan; sesuatu yang benar.

Violence – **Keganasan**

Kuasa yang digunakan bertentangan dengan hak umum, menyalahi undang-undang, dan bertentangan dengan kesejahteraan atau keamanan awam.

Voluntarily – **Sukarela**

Perbuatan melakukan sesuatu dengan kerelaan atau niat ingin melaksanakannya atau meninggalkannya. (Rujuk s.39, Kanun Keseksaan)

Voluntarily causing hurt – **Sengaja menyebabkan kecederaan**

Seseorang yang sengaja menyebabkan kecederaan sama ada dengan niat atau sudah

W

Want of consent – **Kehendak persetujuan**

Perbuatan atau keputusan untuk mencapai suatu perjanjian secara sepakat.

War – **Peperangan**

Konflik atau persengketaan terbuka yang diisytiharkan antara pihak tentera dua atau lebih negeri dan negara.

Warrant – **Waran**

Perintah bertulis yang dikeluarkan oleh pegawai kehakiman atau pegawai penguat kuasa undang-undang untuk melaksanakan beberapa tindakan bagi menegakkan keadilan.

Warrant case – **Kes waran**

Kes yang tidak membenarkan pegawai polis menangkap pesalah tanpa waran.

Warrant of arrest – **Waran tangkap**

Perintah hakim kepada pegawai penguat kuasa undang-undang untuk menangkap orang yang dituduh atau penyitaan harta benda. (Rujuk s.38, Kanun Acara Jenayah)

Y

Young persons – **Orang muda**

Di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, definisi orang muda dinyatakan sebagai seseorang yang belum mencapai umur 18 tahun.

Youthful offender – **Pesalah muda**

Di bawah s.2, Kanun Acara Jenayah (pindaan) 2006 [Akta A1274], seseorang yang melakukan jenayah dan berada dalam lingkungan umur lebih daripada 18 tahun tetapi di bawah umur 21 tahun adalah pesalah muda.

Bibliografi

A Concise Dictionary of Law (1986). New York: Oxford University Press.

Abdul Aziz Hussin (2010). *Panduan Umum Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akta Dadah Berbahaya 1952. 2005. Petaling Jaya: International Law Book Services.

Barker, D. dan Padfield, C. (1998). *Law Made Simple*. Oxford: Made Simple Book.

Bryan, A.G (2014). *Black's Law Dictionary* (Edisi 10). USA: Thomson Reuters, St.Paul, MN.

Child Handbook (2004). Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Contracts Act 1950. 2000. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Criminal Procedure Code (Act 593) (2014). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Dheeraj, S. (2008). *Legal Dictionary*. Delhi: Pioneer Books.

Elizabeth, A.M. (Ed.) (2003). *Oxford Dictionary of Law*. Oxford: Oxford University Press.

Evidence Act 1950 (2014). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

- Francis, A.G (2006). *Criminal Procedure* (Edisi kedua). Malaysia, Singapore, Hong Kong: LexisNexis.
- Giles, M. (1987). *Nutshells: Criminal Law*. London: Sweet & Maxwell.
- Hardy Ivamy, E.R (1988). *Mozley & Whiteley's Law Dictionary* (Edisi kesepuluh). London: Butterworths.
- Ho Mooi Ching (2007). *Sentencing Practice in Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.
- Istilah Undang-Undang* (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Undang-Undang* (1995). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kaur, G. (2001). *Civil Procedure*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal.
- Law, J. dan Martin, E.A (2009). *Oxford Dictionary of Law*. New York: Oxford University Press.
- Mallal's Penal Law* (2002). Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Mohd. Radzali Masrum (2001). *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasser Hamid et al. (Ed.) (1998). *Istilah Undang-undang*. Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Nik Safiah Karim dan Faiza Tambi Chik (Ed.) (1994). *Bahasa dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pedoman Umum Pembentukan Istilah (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penal Code (Act 574) (2014). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Puteri Roslina Abdul Wahid (2005). *Peminjaman Kata Bahasa Inggeris dalam Peristilahan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rau dan Kumar (2006). *General Principles of the Malaysian Legal System*. Selangor: ILBS.

Salleh Buang (2007). *Malaysian Torrens System* (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saunders, J. B (1977). *Mozley & Whiteley's Law Dictionary* (Edisi kesembilan). London: Butterworths.

Schultz, W. D., Cooper, A. L., dan Kotara, W. S (1999). *A Handbook of Basic Law Terms*. Minnesota: West Group.

Sydenham, A. (1987). *Nutshells:Trust*. London: Sweet & Maxwell.

Tieman, R. (1987). *Tort*. London: Sweet & Maxwell.

Wan Azlan Ahmad dan Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod (2006). *Administrative Law in Malaysia* (Edisi pelajar). Selangor: Sweet & Maxwell Asia.